

ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 3/1976.

MEMBAHARUI LESEN MENDUDUKI SEMENTARA (T.O.L)

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian semua PHT kepada kandungan Seksyen 67 K.T.N. berkenaan dengan jangka masa, syarat-syarat dan bentuk Lesen Menduduki Sementara, Seksyen yang asalnya itu telah dipinda oleh Akta A264 yang telah disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 15hb.Ogos, 1974. Kandungan Seksyen 67 yang baharu selepas di pinda itu adalah sebahagaimana dalam Lampiran 'A' yang berkembar dan terjemahannya dalam Bahasa Inggeris bagaimana dalam Lampiran 'B'.

2. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Perwakilan Kuasa bagaimana Kn.P.U.9/14.8.1975 (Lihat Arahan P.T.G.Bil.3/75) bahawa PHT telah diberi kuasa untuk membaharui Lesen-lesen Menduduki Sementara dengan tertakluk kepada kehendak Seksyen 67(3) K.T.N. Dengan ini nyatalah bahawa permohonan untuk mendapat Lesen Menduduki Sementara pada pertama kalinya dikehendaki ditimbang dan dilulus oleh Pihakberkuasa Negeri sendiri tetapi kuasa membaharuinya telah dipersetujui diperturunkan kepada PHT bagaimana dalam Perwakilan Kuasa yang tersebut di atas.

3. Telah didapati bahawa kebanyakan PHT telah mengambil langkah membaharui Lesen Menduduki Sementara itu dengan jalan mengeluarkan Lesen yang baharu dengan mengguna Borang 4A. Cara ini nampaknya tidak selaras dengan kehendak seksyen 67(4) KTN. yang menyatakan bahawa "dalam hal pembaharuan lesen sedemikian itu hendaklah dicatiterakan suatu nota pembaharuan itu dan tarikh yang ianya dijangka tamat"

4. Oleh itu melalui Arahan ini PHT adalah dinasihatkan, semasa meluluskan pembaharuan lesen pada tiap-tiap tahun itu, supaya membuat catitan diatas Borang 4A sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 67(4) itu dengan tidak payah mengeluarkan lesen yang baharu bagi tempoh 3 pembaharuan bagaimana yang dibenarkan oleh Seksyen 67(3) K.T.N. Nota atau catitan itu bolehlah dibuat seperti dalam contoh yang dibawah ini:-

“ L.M.S. telah dibaharui bagi tahun
berakhir pada 31.12.....
Bayaran telah dijelaskan bagaimana
Rt. no.....

.....
Pemungut Hasil Tanah.
.....”

5. Sayugia diingatkan kepada semua PHT bahawa selepas LMS dibaharui bagi tempoh 3 pembaharuan, maka permohonan itu kenalah diangkat sebagai satu permohonan baharu untuk timbangan dan kelulusan MMK bagi mendapat kelulusan dibawah Seksyen 67(3) K.T.N.

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan.

Kepada: Semua P.H.T. dan Pen. P.H.T. Kelantan

Salinan kepada:

Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan
Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
Semua Pegawai-pegawai Jajahan Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan.
Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan
Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG.Kn. 1163 (66)
30hb.Jun, 1976.

67. (1) Kecuali setakat mana yang ditetapkan sebaliknya, Jangkamasa, tiap-tiap lesen pendudukan sementara selain dari yang mana seksyen syarat-syarat, 69 dipakai (iaitu satu lesen pendudukan sementara yang disatukan dll. dan bentuk dengan satu permit untuk mengeluarkan dan mengambil bahan batuan) lesen pendudukan hendaklah dikeluarkan bagi satu tempoh yang tamat tidak lewat daripada sementara. penghujung tahun kalendar yang ianya bermula; dan tertakluk kepada seksyen-kecil (3) bolehlah dipengaruhi pada tiap-tiap tahun.

dengan syarat bahawa satu lesen yang dikeluarkan untuk maksud membolehkan mana-mana pertunjukan awam atau hiburan diadakan bolehlah dikeluarkan untuk apa-apa tempoh lain sebagaimana yang sesuai dalam keadaan-keadaan itu.

(2) Tiap-tiap lesen pendudukan sementara akan mempunyai kesan hasil tertakluk kepada apa-apa peruntukan sebagaimana yang terkandung di dalamnya dan setakat mana yang tidak bercanggah dengannya kepada apa-apa peruntukan lain yang akan ditetapkan

(3) Tertakluk kepada syarat di bawah mana satu lesen pendudukan sementara telah dikeluarkan, Pemungut bolehlah, di atas permohonan oleh Pemegang lesen membaharui lesen sedemikian itu bagi satu tempoh yang tidak lebih dari satu tahun kalendar.

dengan syarat bahawa tidaklah boleh ada lebih dari tiga pembaharuan yang dibuat mengenai sesuatu lesen pendudukan sementara melainkan suatu lesen pendudukan sementara melainkan suatu kebenaran bertulis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri telah didapati terlebih dahulu.

(4) Tiap-tiap lesen pendudukan sementara selain dari yang mana seksyen 69 dipakai hendaklah dibuat di atas Borang 4A dan dalam hal pembaharuan sedemikian itu hendaklah dicatiterakan suatu notis pembaharuan itu dan tarikh yang ianya dijangka tamat.

Duration,
condition
etc, and
form of
temporary
occupation
Licences.

67. (1) Except in so far as it is otherwise prescribed, every temporary occupation licence other than one to which section 69 applies (that is to say, a temporary occupation licence combined with a permit to extract and remove rock material) shall be issued for a term expiring not later than the end of the calendar year in which it commences and subject to subsection (3) may be renewed annually.

Provided that a licence issued for the purpose of enabling any public exhibition or entertainment to be held may be issued for such other term as may be appropriate in the circumstances.

(2) Every temporary occupation licence shall have effect subject to such provisions as may be contained therein and so as not inconsistent therewith, to any other provisions which may be prescribed.

(3) Subject to the condition under which a temporary occupation licence is issued, the Collector may on the application of a licence holder renew such a licence for a term of not more than one calendar year.

Provided that there shall not be more than three renewals made in respect of a temporary occupation licence unless a prior written approval of the State Authority has been obtained.

(4) Every temporary occupation licence other than one to which section 69 applies shall be in Form 4A and in the case of renewal of such licence it shall be endorsed with a note of such renewal and the date of its intended expiry.